

PARLIMEN- SEMPADAN

KUALA LUMPUR, 6 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PENAMBAHAN DAN PERUBAHAN KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI YANG DISYORKANDALAM LAPORAN ULANGKAJI DAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI ADALAH UNTUK MEMBERIPELUANG KEPADA RAKYAT MENDAPAT PERWAKILAN YANG LEBIH SEMPURNA DAN BERKESAN.

KETIKA MEMBENTANGKAN USUL SUPAYALAPORAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA ITU DILULUSKAN DEWAN RAKYAT PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA PENAMBAHAN KERUSI JUGA ADALAH SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI NEGARA SEJAK SEPULUH TAHUN LALU DAN PERTAMBAHAN PENDUDUK.

KATANYA, PERUBAHAN SEMPADAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA JUGA PERLU DITELAH MENKKAJI DENGAN TELITI SYOR-SYOR DALAM LAPORAN ITU DAN TIDAK MENCADANGKAN APA-APA PENGUBAHSUAIAN.

BELIAU BERKATA ULANGKAJI DAN PERSEMPADANAN TERSEBUT ADALAH MENGIKUT FASAL (2) PERKARA 113 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DI MANA SURUHANJAYA PILIHANRAYA BERTANGGUNGJAWAB MENGULANGKAJI DAN MEMPERSEMPADANKAN SELURUH BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI PADA TEMPOH TIDAK KURANG DARIPADA LAPAN TAHUN.

BELIAU MENARIK PERHATIAN DEWAN BAHAWA AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1983 TELAH DILULUSKAN OLEH DEWAN PADA 3 OGOS TAHUN LALU, DIMANA PERKARA 46 DIPINDA DENGAN MENAMBAH KERUSI-KERUSI DEWAN RAKYAT DARIPADA 154 KEPADA 176.

DALAM SIDANGNYA MAC TAHUN INI, DEWAN JUGA MELULUSKAN PENAMBAHAN SATU LAGI KERUSI PARLIMEN IAITU KERUSI PARLIMEN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) NO. 2, YANG MENJADIKAN JUMLAH KERUSI PARLIMEN BAGI SELURUH MALAYSIA 177 BUAH.

BERIKUTAN DENGAN PERTAMBAHAN KERUSI-KERUSI PARLIMEN, DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI DALAM NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU KE CUALI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI MELAKA TELAH MEMINDA PERLEMBAGAAN MASING-MASING.

DENGAN ADANYA PINDAAN-PINDAAN TERSEBUT MAKA SURUHANJAYA PILIHANRAYA JUGA PERLU MENJALANKAN ULANGKAJI UNTUK MEMBAHAGIKAN NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA DAN MENGESYORKAN APA-APA PERUBAHAN YANG DIFIKIRKAN PERLU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SURUHANJAYA PILIHANRAYA TELAH MENYIAPKAN LAPORANNYA BERPANDUKAN KEPADA PROSEDUR-PROSEDUR DALAM BAHAGIAN II JADUAL KETIGABELAS PERLEMBAGAAN.

ULANGKAJI DAN PERSEMPADANAN SEMULA ITU ADALAH JUGADIASAKAN, SETAKAT YANG BOLEH, KEPADA PRINSIP-PRINSIP YANG TERKANDUNG DALAM BAHAGIAN I JADUAL KETIGABELAS PERLEMBAGAAN, KATANYA.

LAPORAN ITU DISERAHKAN KEPADANYA PADA 8 NOV. LALU SEBAGAIMANA YANG DIKEHENDAKI OLEH SEKSYEN 8 JADUAL KETIGABELAS PERLEMBAGAAN, DAN DIBENTANGKAN DIDALAM DEWAN SEBAGAI KERTAS KERJA STATUT NO. 198 TAHUN 1984.

KATANYA, BAGI TUJUAN PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA, FASAL (6) PERKARA 113 DALAM PERLEMBAGAAN TELAH MEMBAHAGIKAN MALAYSIA KEPADA UNIT ULANGKAJI YANG BERASINGAN IAITU:-

+ NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU (TERMASUK WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN LABUAN)

+ NEGERI SABAH

+ NEGERI SARAWAK (TIDAK TERLIBAT DALAM ULANGKAJI INI BUAT MASA INI).

MENURUT BELIAU, OLEH KERANA MALAYSIA TERBAHAGI KEPADA UNIT-UNIT ULANGKAJI YANG BERLAINAN, SURUHANJAYA PILIHANRAYA PERLU MENGEMUKAKAN LAPORAN-LAPORAN BERASINGAN, IAITU SATU BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU DAN SATU LAGI BAGI SABAH. . . LAGI

2043MST 06 12 84

UB260

UB260 BAH

PARLIMEN - SEMPADAN 4 KUALA LUMPUR

NEGERI SARAWAK TIDAK TERLIBAT DALAM ULANGKAJI INI KERANA ULANGKAJI KAWASAN PILIHANRAYA DI NEGERI ITU DIADAKAN DALAM TAHUN 1977, TAMBAHNYA.

KATANYA, DISAMPING ITU TINDAKAN DIAMBIL DI PERINGKAT NEGERI APABILA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI, MELAINKAN KERAJAAN NEGERI MELAKA DAN SABAH, BAGI MEMINDA PERLEMBAGAAN NEGERI MASING-MASING UNTUK MENAMBAHKAN KERUSI-KERUSI PERINGKAT NEGERI.

KERUSI-KERUSI NEGERI BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU TELAH BERTAMBAH DARIPADA 312 KEPADA 351 IAITU TAMBAHAN SEBANYAK 39 KERUSI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ASAS ULANGKAJI BILANGAN PEMILIH YANG DISAHKAN PADA BULANDIS, 1982 BAGI NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU TERMASUK WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, IALAH SEBANYAK 5,239,278 ORANG.

SUNGGUHPUN ASAS BILANGAN PEMILIH TERSEBUT IALAH MENGIKUT DAFTAR PEMILIH TAHUN 1982, PERTAMBAHAN BILANGAN PEMILIH DARI TAHUN 1982 HINGGA 1984 TIDAK MENUNJUKKAN PERBEZAAN YANG BESAR IAITU KIRA-KIRA 58,056 ATAU 1.11 PERATUS SAHAJA, KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM MENJALANKAN ULANGKAJI ITU SURUHANJAYA PILIHANRAYA BERPANDUKAN KEPADA PRINSIP-PRINSIP PERSEMPADANAN YANG TERMAKTUB DI BAHAGIAN I JADUAL KETIGA BELAS DALAM PERLEMBAGAAN DAN SETAKAT MANA YANG BOLEH SURUHANJAYA TELAH MENEPATI KEHENDAK PELBAGAI PRINSIP YANG BERKENAAN.

-- BERNAMA

2138MST 06 12 84